RE GEOFFREY ROBERTSON

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
NIK HASHIM H
[USUL PEMULA: R1-17-3-98]
7 MEI 1998

PROFESYEN UNDANG-UNDANG: *Penerimaan masuk - Ad hoc - Queen's Counsel - Samada pemohon mempunyai kelayakan atau pengalaman istimewa untuk diterima masuk - Akta Profesyen Undang-undang 1976, s. 18(1)*

Kes ini adalah tentang permohonan seorang Queen's Counsel dari England untuk menjadi peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya secara ad hoc di bawah s. 18(1) Akta Profesyen Undang-undang 1976 (Akta) bagi mengendalikan beberapa kes rayuan di Mahkamah Rayuan yang melibatkan isu penghinaan mahkamah oleh media. Peguam yang mewakili pemohon antara lainnya menghujahkan bahawa pemohon mempunyai pengkhususan di dalam bidang undang-undang penghinaan mahkamah oleh media dan rayuan-rayuan di Mahkamah Rayuan melibatkan isu hubungjalin art. 126, 10, 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan.

Diputuskan:

[1] Sebelum permohonan di bawah s. 18(1) Akta dapat diberi, pemohon hendaklah meyakin dan memuaskan hati mahkamah dengan bukti bahawa tidak ada seorang pun peguambela dan peguamcara di Malaysia yang mempunyai kelayakan atau pengalaman istimewa untuk mengendalikan rayuan-rayuan tersebut. Kelayakan atau pengalaman yang perlu diambilkira di dalam mempertimbangkan permohonan di bawah s. 18(1)(a) ialah kelayakan atau pengalaman istimewa yang berkaitan bagi maksud rayuan-rayuan tersebut dan bukan sebarang kelayakan atau pengalaman yang tidak kena mengena dengan permohonan.

[2] Isu di hadapan Mahkamah Rayuan ialah samada Murray Hiebert telah menghina mahkamah melalui penyiaran artikelnya, suatu isu yang tidaklah begitu kompleks. Penghinaan mahkamah di Malaysia merupakan suatu kesalahan yang bergantung kepada fakta sesuatu kes, dan bagi menentukan sempadan budibahasa dan menasabah, mahkamah tidak akan mengabaikan keadaan tempatan.

[2a] Keterangan yang ada tidak menunjukkan bahawa pemohon mempunyai kelayakan atau pengalaman, apatah lagi kelayakan atau pengalaman istimewa, dalam bidang penghinaan mahkamah yang dipraktikkan di Malaysia. Pengalaman dan kelayakan pemohon dalam bidang ini adalah

kosong, dan beliau tidaklah boleh dikatakan mempunyai kemahiran yang tinggi melebihi pencapaian peguam-peguam tempatan dalam bidang tersebut.

[3] Isu hubungjalin di antara art. 126, 10, 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan ialah isu tempatan dan bukan merupakan isu baru serta kompleks atau novel sehingga ia tidak dapat dikendalikan oleh peguam-peguam tempatan. Lagi pun, tidak ada bukti nyata yang menunjukkan pemohon mempunyai kelayakan dan pengalaman berhubung artikel-artikel tersebut.

[Permohonan ditolak.]

Kes yang dirujuk:
A-G Malaysia v. Manjeet Singh Dhillon [1991] 1 CLJ 216 ***(disebut)***
A-G & Ors v. Arthur Lee Meng Kuang [1987] 1 MLJ 206 ***(disebut)***
Lim Kit Siang v. Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad [1987] 1 MLJ 383 ***(disebut)***
MBf Holdings Bhd & Anor v. Houng Hai Kong & Ors [1993] 3 CLJ 373 ***(dirujuk)***
Re B Larbalestier QC [1988] 1 MLJ 135 ***(dirujuk)***
Re SK Lee [1971] 2 MLJ 40 ***(dirujuk)***
Trustees of Leong San Tong Khoo Kongsi (Penang) Registered & Ors v. SM Idris & Anor and Another Application [1990] 1 CLJ 723 ***(disebut)***

Perundangan yang dirujuk:
Legal Profession Act 1976, s. 18(1)(a), (b)

Sumber yang dirujuk:
Freedom: The Individual And The Law, 1989, edisi 6
Freedom: The Individual And The Law, 1993, edisi 7
Media Law, 1993, edisi 3

Bagi pihak pemohon - Muhammad Shafee Abdullah; T/n Shafee & Co
Bagi pihak responden - Kam Woon Wah; T/n Kam Woon Wah
Bagi pihak peguam negara - Zaitun Zawiyah Puteh PKP
Bagi pihak majlis peguam - Mah Weng Kwai
Bagi pihak jawatankuasa peguam - Yasmeen Shariff

Dilaporkan oleh Hjh Siti Faridah Abdul Jabbar

PENGHAKIMAN

Nik Hashim H:

Encik Geoffrey Robertson QC merupakan seorang Queen's Counsel dari England yang berhajat untuk menjadi seorang peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi, Malaya secara ad hoc di bawah s. 18(1) Akta Profesyen Undang-Undang 1976 ('Akta') untuk mengendalikan rayuan-rayuan di

Mahkamah Rayuan berhubung dengan kes Rayuan Sivil No. B-02-191-97, B-02-369-97, B-02-534-97 dan B-02-625-97 ('rayuan-rayuan tersebut') bagi pihak perayu, Murray Hiebert.

Pada 7 Mei 1998, selepas mendengar hujah-hujah pihak-pihak yang berkaitan dan menyemak rekod, saya telah menolak permohonan setelah saya mendapati bagi maksud rayuan-rayuan tersebut, pemohon gagal memuaskan hati saya bahawa pemohon mempunyai kelayakan-kelayakan dan pengalaman istimewa yang mana ia tidak boleh didapati di kalangan peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara di Malaysia.

Sekarang, saya jelaskan alasan-alasan atas keputusan tersebut.

Perayu, Murray Hiebert, seorang warganegara Kanada, ialah seorang wartawan majalah The Far Eastern Economic Review ('FEER') yang ditempatkan di Kuala Lumpur, dan merupakan pengarang rencana "See You in Court" dalam FEER dalam edisi bertarikh 23 Januari 1997. Ketika itu, guaman sivil No. 22-210-96 (guaman sivil) sedang diperbicarakan di hadapan Mahkamah Tinggi Shah Alam. Dalam guaman sivil itu, Chandra Sri Ram bagi pihak plaintif telah memfailkan satu tuntutan terhadap dua defendan 'for discrimination against the plaintiff'. Tuntutan tersebut akhirnya telah diselesaikan. Ekoran rencana tersebut Chandra Sri Ram telah meminta relif supaya Murray Hiebert dikomitkan ke penjara atas beberapa perbuatan penghinaan terhadap Mahkamah atas alasan bahawa rencana tersebut menskandalkan mahkamah, merangsangkan prejudis terhadap plaintif dan litigasi guaman sivil itu, dan mengenakan tekanan ke atas mahkamah untuk memutuskan guaman sivil itu agar tidak memihak kepada plaintif. Murray Hiebert telah didapati bersalah dan disabitkan kerana menghina mahkamah oleh hakim YA Dato' Low Hop Bing, Mahkamah Tinggi Shah Alam dan dihukum penjara selama tiga bulan. Pihak Murray Hiebert telah merayu terhadap keputusan tersebut bersekali dengan tiga keputusan lain yang telah diputuskan oleh hakim yang sama. Rayuan-rayuan tersebut sedang menunggu pendengaran di Mahkamah Rayuan.

Untuk mewakili Murray Hiebert di Mahkamah Rayuan, pemohon melalui notis usul pemula, memohon untuk diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di bawah s. 18(1) Akta. Permohonannya disokong dengan afidavit Encik Muhammad Shafee, peguam yang mewakili Murray Hiebert di Mahkamah Tinggi. Manakala pihak Yang Berhormat Peguam Negara dan peguamcara bagi pihak responden membantah permohonan atas alasan bahawa pemohon tidak mempunyai kelayakan-kelayakan atau pengalaman istimewa yang tidak terdapat di kalangan peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara di Malaysia. Manakala pihak Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur menyokong permohonan tersebut.

Seksyen 18(1) Akta memperuntukkan:

> (1) Notwithstanding anything contained in this Act ... no person shall be admitted to practise as an advocate and solicitor under this sub-section unless-
>
> (a) for the purpose of that particular case he has, in the opinion of the Court, special qualifications or experience of a nature not available amongst advocates and solicitors in Malaysia; and
>
> (b) he has been instructed by an advocate and solicitor in Malaysia.

Bagi syarat (b) di atas, pemohon telah pun mematuhinya. Bagi maksud (a) di atas, pemohon hendaklah memuaskan hati mahkamah bahawa:

(i) bagi maksud kes-kes rayuan tersebut, pemohon mempunyai kelayakan-kelayakan atau pengalaman istimewa, dan

(ii) kelayakan-kelayakan atau pengalaman istimewa itu mestilah terdiri daripada jenis yang tidak boleh didapati di kalangan peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara di Malaysia.

Sharma J dalam *Re SK Lee* [1971] 2 MLJ 40 telah memberi makna 'kelayakan-kelayakan istimewa' iaitu:

> 'Special qualification' to mean an accomplishment of an exceptional degree or such that excels in some ways of accomplishment reached by the advocates and solicitors in Malaysia.

Manakala Mohamed Dzaiddin H (beliau ketika itu) dalam *Re B. Larbalestier QC* [1988] 1 MLJ 135 berkata:

> I think what the law intended to mean is that special qualifications or experience are required to be of a quality and type which cannot be had amongst the advocates and solicitors in Malaysia.

Dalam menimbangkan sesuatu permohonan di bawah seksyen 18(1) Akta, saya telah memutuskan dalam *Re Charles Gray* QC, Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur, Usul Pemula No. R2-17-8-98 bahawa isu-isu dalam kes yang hendak diwakili, perlulah diambilkira.

Menurut afidavit Encik Muhammad Shafee (Lampiran 2, perenggan 8), beliau menyatakan rayuan-rayuan tersebut melibatkan persoalan undang-undang yang serius di dalam bidang penghinaan Mahkamah dan apatah lagi dengan peningkatan prosiding-prosiding sedemikian sejak akhir-akhir ini samada bagi kemungkinan perintah-perintah mahkamah, kemungkiran aku janji serta yang berkaitan dengan prosiding-prosiding yang menanti pemutusan adalah perkara-perkara yang mempunyai kepentingan teramat sangat kepada umum yang merenung ke arah mahkamah-mahkamah bagi petunjuk tentang imbangan di antara kebebasan bersuara dan had-had dikenakan.

Manakala dalam afidavit tambahannya di lampiran 12 di perenggan 4, beliau berkata:

> ... Rayuan-rayuan tersebut mengundang campurtangan prinsip-prinsip keperlembagaan, secara spesifiknya, hubungjalin di antara artikel-artikel 126, 10, 5 serta 8 Perlembagaan Persekutuan, Malaysia. Berhubung dengan undang-undang media, di mana pemohon sering diberi pengiktirafan tinggi sebagai seorang pakar, beberapa isu lanjutan berbangkit di dalam rayuan-rayuan tersebut. Rayuan-rayuan tersebut melibatkan apa yang dikenali sebagai "Penghinaan oleh Media". "Penghinaan oleh Media" telah didekati dan dilayani oleh mahkamah-mahkamah serta para ahli akademik sebagai suatu penghinaan di dalam kelas yang istimewa berikutan daripada kepentingan Keperlembagaan tentang peranan media di dalam kontek "prinsip ketelusan keadilan memandangkan (dipetik daripada bahasa asalnya) "Publicity is the very soul of justice. It is the keenest spur to exertion and the surest of all guards against improbity. It keeps the Judge himself, while judging, under trial ..." (per: Jeremy Bentham).

Mengenai kelayakan-kelayakan dan pengalaman pemohon pula, Encik Muhammad Shafee seterusnya berkata di lampiran 2 bahawa pemohon ialah seorang peguam ternama yang mempunyai pengkhususan di dalam bidang undang-undang media/penghinaan mahkamah oleh media. Pemohon telah dilantik Peguam Di Raja pada tahun 1988, Assistant Recorder 1993, Master of the Bench of the Middle Temple 1977, Professor Pelawat di Birkbeck College, University of London, University of New South Wales dan Warwick University. Beliau juga telah mewakili kes-kes di House of Lords, Privy Council serta European Court of Human Rights dan Encik Shafee menyenaraikan 11 kes yang telah dilapurkan di mana pemohon pernah mewakili. Surat pemohon 'MSA-3' dalam afidavit tambahan di lampiran E 12 telah menyatakan:

> I fax herewith details from 'Chambers and Partners' which is the leading and most authoritative guide to barristers in practice in Britain. You will see I am in the top ten (though not in terms of earnings!). I am regarded as an expert in five areas: Administrative and Public Law, Civil Liberties, Crime, Defamation and Media Law. I have had over one hundred reported cases in criminal and constitutional law, most at House of Lords, Privy Council, and Court of Appeal level. I have also argued four cases at the European Court of Human Rights: *Goodwin v. UK (journalist privilege), Wingrove v. UK (blasphemy), Bowman v. UK* (right to comment during elections) *Hauschildt v. Denmark* (independence of judiciary).

Pemohon memetik 20 kes lagi yang mana beliau telah mewakili bagi penyokong permohonannya. Encik Shafee seterusnya mengatakan dalam hujahnya bahawa pemohon juga telah mengarang lapan buah buku dan dua buah daripadanya bertajuk *"Media Law"* (edisi ke 3 1993) dan "Freedom: the

Individual and the Law" (edisi ke 6 1989 dan edisi ke 7 1993). Beliau berpendapat bahawa kelayakan-kelayakan serta pengalaman-pengalaman yang khusus yang dimilik oleh pemohon bukan sahaja tidak sedia ada di kalangan peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara yang kini pengamal di Malaysia, bahkan pengalaman-pengalaman serta kelayakan ini juga tidak boleh ditandingi di dalam rantau jurisdiksi Komanwel.

Selepas mendengar hujah-hujah semua pihak, saya bersetuju dengan hujah-hujah Dato' Zaitun Zawiyah dan Dato' Kam Woon Wah. Isu di hadapan Mahkamah Rayuan ialah samada Murray Hiebert telah menghina mahkamah melalui penyiaran artikelnya – suatu isu yang tidak begitu komplex pada hemat saya. Penghinaan mahkamah di Malaysia merupakan suatu kesalahan yang bergantung kepada fakta sesuatu kes, dan bagi menentukan sempadan budibahasa yang menasabah, mahkamah tidak akan mengabaikan keadaan tempatan (*Attorney General, Malaysia v. Manjeet Singh Dhillon* [1991] 1 MLJ 167; *Attorney General & Ors. v. Arthur Lee Meng Kuang* [1987] 1 MLJ 206). Keterangan yang ada tidak menunjukkan bahawa pemohon mempunyai kelayakan atau pengalaman, apatah lagi kelayakan atau pengalaman istimewa, dalam bidang undang-undang penghinaan mahkamah yang dipraktikkan di Malaysia. Jadi, pengalaman dan kelayakan pemohon dalam bidang ini adalah kosong; oleh itu, beliau tidaklah boleh dikatakan mempunyai kemahiran yang tinggi melebihi pencapaian peguam-peguam tempatan dalam bidang tersebut. Lagipun, pengalaman dan kelayakan pemohon yang menyatakan dia mahir dalam 5 bidang iaitu:

Administrative & Public Law, Civil Liberties, Crime, Defamation dan *Media Law*' adalah tidak selaras dengan dakwaan dalam afidavit Muhammad Shafee (Lampiran 2 perenggan 9) yang mengatakan pemohon ialah seorang peguam ternama yang mempunyai pengkhususan di dalam bidang undang-undang media/penghinaan mahkamah oleh media. Pemohon sendiri tidak mengatakan dia ialah seorang pakar dalam 'media contempt' (penghinaan mahkamah oleh media). Apa yang terdapat dalam "Stars at the Bar" di eks. 'MSA3' lampiran 12 ialah pemohon mempunyai kepakaran dalam bidang 'Media & Entertainment'. Pernyataan sedemikian tidak bererti pemohon mempunyai kepakaran dalam 'media contempt'.

Mengenai isu hubungjalin di antara artikel-artikel 126, 10, 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan, saya dapati isu tersebut ialah isu tempatan dan bukan merupakan isu baru serta kompleks atau novel sehingga ia tidak dapat dikendalikan oleh peguam-peguam tempatan. Kes-kes seperti *Lim Kit Siang v. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad* [1987] 1 MLJ 383, *Trustees of Leong San Tong Khoo Kongsi (Penang) Registered & Ors. v. SM Idris & Anor. and Another Application* [1990] 1 MLJ 273, *MBF Holdings Bhd. & Anon. v. Houng*

Hai Kong & Ors [1993] 2 MLJ 516 adalah di antara kes-kes yang mana artikel-artikel tersebut telah diputuskan. Lagi pun, tidak ada bukti yang nyata yang menunjukkan pemohon mempunyai kelayakan dan pengalaman berhubung dengan artikle-artikle tersebut.

Encik Muhammad Shafee juga membangkitkan isu rukun kewajaran (rule of prudence) di perenggan 6 lampiran 12. Beliau menyatakan pengadu asal kes guaman sivil ialah isteri kepada seorang hakim Mahkamah Rayuan. Oleh sebab itu, peguam-peguam tempatan tidak berupaya untuk menghujahkan secara berkesan rayuan-rayuan tersebut tanpa "fear or favour". Pada hemat saya, isu ini tidak berkaitan atau relevan langsung untuk diberi pertimbangan bagi maksud permohonan ini. Dakwaan atas kebimbangan bahawa peguam-peguam tempatan tidak dapat berhujah tanpa "fear or favour" adalah tidak berasas dan mesti ditolak.

Adalah tidak dinafikan bahawa pemohon ialah seorang Queen's Counsel semenjak 1988. Beliau merupakan seorang peguam dan pengarang buku undang-undang yang bijaksana, dan beliau telah diiktiraf sebagai peguam yang handal di England. Namun demikian, kepakaran pemohon tidak bererti ia sudah mencukupi bagi maksud s. 18(1)(a) Akta. Adalah menjadi kewajipan pemohon untuk menunjukkan dan memuaskan hati mahkamah bahawa bagi maksud rayuan-rayuan tersebut, kelayakan-kelayakan dan pengalaman yang dikatakan ada pada pemohon itu tidak boleh di dapati di kalangan ribuan peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara di Malaysia. Encik Shafee memberitahu mahkamah terdapat 78 kes penghinaan mahkamah yang telah dilapurkan di Malaysia akan tetapi beliau masih menyatakan kelayakan-kelayakan dan pengalaman yang dimiliki pemohon tidak boleh didapati di kalangan peguam-peguam tempatan. Harus diingat, kelayakan-kelayakan atau pengalaman yang perlu diambilkira di dalam mempertimbangkan permohonan di bawah s. 18(1)(a) ialah kelayakan atau pengalaman istimewa yang berkaitan bagi maksud rayuan-rayuan tersebut dan bukan sebarang kelayakan atau pengalaman yang tidak kena mengena dengan permohonan. Sebelum permohonan di bawah s. 18(1) Akta dapat diberi, pemohon hendaklah menyakin dan memuaskan hati mahkamah dengan bukti bahawa tidak ada seorang pun peguambela dan peguamcara di Malaysia yang mempunyai kelayakan-kelayakan atau pengalaman istimewa untuk mengendalikan rayuan-rayuan tersebut. Walaupun majlis peguam dan Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur menyokong permohonan, sokongan semata-mata tidak sedikitpun meringankan atau melepaskan beban pembuktian yang terletak di bahu pemohon. Bagi permohonan ini, adalah didapati bahawa pemohon telah gagal melepaskan beban pembuktiannya, dan oleh sebab itu saya tidak berpuas hati, bagi maksud rayuan-rayuan tersebut, Geoffrey Robertson QC mempunyai kelayakan-kelayakan atau pengalaman istimewa, terdiri daripada jenis yang

tidak boleh didapati di kalangan peguam-peguam tempatan. Saya bersetuju dengan pihak Peguam Negara dan responden bahawa rayuan-rayuan tersebut boleh dikendalikan dengan kompetennya oleh seorang peguambela dan peguamcara dalam negara.

Atas alasan-alasan tersebut di atas, saya telah perintahkan supaya permohonan ini ditolak.